

# Tiga lagi bahagian tidak calon Ku Li

BH 22 FEB. 2000

KOTA BHARU, Isnin – Tiga lagi Umno bahagian di Kelantan membuat ketetapan tidak akan mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah untuk bertanding sama ada bagi jawatan Presiden mahupun Timbalan Presiden pada pemilihan parti itu Mei ini.

Bahagian berkenaan ialah Pengkalan Chepa, Kubang Kerian dan Kuala Krai yang membuat berpendirian tidak ada tokoh paling layak selain Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden, manakala Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Timbalan Presiden.

Dengan ketetapan itu, menjadikan lima daripada 14 Umno bahagian di negeri ini tidak berhasrat mencalonkan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan itu bertanding untuk dua jawatan tertinggi parti.

Semalam, Umno bahagian Peringat dan Jeli dikatakan turut membuat ketetapan tidak mencalonkan Tengku Razaleigh bertanding dalam mana-mana jawatan tertinggi parti pada pemilihan itu.

Seorang pemimpin Umno negeri yang enggan

namanya disiarkan berkata, beliau percaya banyak lagi Umno bahagian lain di negeri ini membuat ketetapan sama seperti dicapai oleh Umno bahagian Peringat dan Jeli.

Bagaimanapun, katanya Umno bahagian terabit enggan menyatakan pendirian secara terbuka kerana sebab-sebab tertentu.

“Apa yang jelas Umno bahagian Pengkalan Chepa, Kubang Kerian dan Kuala Krai jelastidak bersetuju kalau dia (Tengku Razaleigh) ada menyimpan hasrat untuk bertanding.

“Kita setuju kalau dia nak bertanding tetapi bukan jawatan presiden atau timbalan. Setakat jawatan Naib Presiden atau Majlis Tertinggi (MT) mungkin kita akan bagi sokongan padu,” katanya kepada Berita Harian di sini, hari ini.

Beliau mengulas laporan akhbar hari ini yang memetik sumber Umno neged sebagai berkata, hanya dua Umno bahagian di Kelantan dikatakan sudah membuat ketetapan tidak mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah bertanding dalam mana-mana jawatan tertinggi parti pada pemilihan Mei depan.

Sumber itu dilaporkan berkata, dua bahagian berkenaan ialah Umno bahagian Peringat dan Jeli yang memutuskan bahawa belum tiba masanya Ahli Parlimen Gua Musang itu bertanding sama ada jawatan presiden mahupun timbalan presiden.

Menurut beliau, Umno Kelantan mengakui bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) itu adalah seorang tokoh politik berwibawa tetapi pada masa sama mempunyai beberapa kelemahan yang menghalang beliau daripada menduduki kerusi tertinggi parti.

“Tidak payahlah kelemahan itu didedahkan, cukuplah kita memikirkan kenapa dia yang berkhidmat dalam parti sejak zaman Allahyarham Tunku Abdul Rahman sehingga ke era Dr Mahathir, tidak dapat naik (memegang jawatan tertinggi parti) sampai sekarang.

“Ada sebabnya...jadi sama-samalah kita fikirkan. Mungkin faktor itulah mendorong beberapa Umno bahagian tidak mencalonkan dia bertanding dalam jawatan tertinggi parti,” katanya.